JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

# LIPUTAN MEDIA BULAN OKTOBER 2025

ASEAN MALAYSIA 2025
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
PENGERUSI ASEAN AUDIT COMMITTEE (AAC)

Visit Malaysia 2026 Truly Asia

**HARIAN METRO | 7 OKTOBER 2025 | SELASA**



Bernama

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

# Diselenggara secara teratur, dikemas kini

Kuala Lumpur

"Rekod perakaunan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini," kata Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Wan Suraya dalam kenyataan sempena pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 di Dewan Rakyat semalam berkata, secara keseluruhan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun terbabit bertambah baik dengan penurunan defisit dan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 2023.

Beliau berkata, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan itu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun terbabit dan sehubungan itu, Ketua Audit Negara sudah memberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain.

"Pada tahun lalu, defisit terbabit menunjukkan penurunan RM12.224 bilion kepada RM79.166 bilion berbanding RM91.390 bilion pada tahun sebelumnya.

"Nisbah defisit kepada KDNK turut berkurang kepada 4.1 peratus, berbanding lima peratus pada 2023 dan lebih baik daripada sasaran 4.3 peratus yang ditetapkan dalam Belanjawan 2024. Pencapaian ini meletakkan asas kukuh untuk mencapai sasaran defisit jangka sederhana di bawah tiga peratus," katanya.

Antara isu terkait dalam laporan itu, beliau berkata, adalah Projek Pangkalan Operasi Hadapan Di Pulau Mabul, Semporna, Sabah yang dirancang sejak 2016 dan diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), belum disiapkan hingga Julai lalu meskipun tarikh siap asal ditetapkan pada 16 November tahun lalu.

Beliau berkata, antara isu utama yang dikenal pasti adalah kelewatan pembinaan Bangunan Penempatan Semula (BPS), bangunan utama (selain daripada BPS) belum siap dan pembinaan jeti yang belum dimulakan.

Selain itu, Jabatan Audit Negara (JAN) turut memperluaskan pengauditan terhadap 1,856 badan lain termasuk syarikat melalui Sistem e-SelfAudit yang menggunakan teknologi pendigitalan terkini bagi membolehkan kesemua syarikat berkenaan dapat diaudit setiap tahun, mulai tahun ini.

"Tiga elemen utama yang diaudit ialah pencapaian mandat dan objektif penubuhan, pematuhan aspek tatakelola serta prestasi kewangan," katanya.

Beliau berkata, setakat 31 Disember tahun lalu, sebanyak 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri siap diaudit dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran kepada empat negeri iaitu Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Terengganu.

Sementara Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain kepada sembilan negeri iaitu Johor, Perak, Kedah, Kelantan, Sarawak, Sabah, Negeri Sembilan, Perlis dan Selangor.

LKAN 3/2025 dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini selepas mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong dan ia mengandungi 14 naskhah termasuk satu naskhah di peringkat Persekutuan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Sebanyak 13 naskhah lagi adalah LKAN peringkat negeri mengenai Penyata Kewangan Kerajaan dan Agensi Negeri.

LKAN 3/2025 peringkat Persekutuan akan dimuat naik di laman web JAN selepas pembentangan di Dewan Rakyat dan orang awam boleh melayarinya mulai 10 pagi semalam di pautan http://lkan.audit.gov.my dan https://agdashboard.audit.gov.my/.

Sebarang pertanyaan lanjut atau pandangan mengenai laporan itu boleh dikemukakan melalui e-mel kepada jbaudit@audit.gov.my.

> "Nisbah defisit kepada KDNK turut berkurang kepada 4.1 peratus
> Wan Suraya



# KERATAN AKHBAR

**HARIAN METRO | 7 OKTOBER 2025 | SELASA**



Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

PENINGKATAN KONSISTEN

## Pelaburan kerajaan RM34.822b pada 2023

**Kuala Lumpur**

Nilai buku pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan konsisten daripada RM33.191 bilion pada 2020 kepada RM34.822 bilion pada 2023, menurut Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025.

Bagaimanapun, laporan itu menyatakan, trend itu menurun sedikit pada 2024 sebanyak RM0.131 bilion (0.4 peratus) kepada RM34.691 bilion.

Pelaburan dalam Penyata Memorandum merujuk kepada pegangan kepentingan Kerajaan Persekutuan dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa, yang dibuat melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) turut meningkat RM410 juta hasil daripada pemindahan 410,000,001 unit saham biasa MKD dalam Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) kepada Khazanah.

Sebagai balasan, Khazanah menerbitkan 34,096,122 unit saham biasa pada harga RM15.60 seunit bernilai RM531.90 juta kepada MKD.

Penurunan pelaburan pula disumbangkan oleh penebusan dan pemindahmilikan saham Redeemable Cumulative Preference Shares (RCPS) milik MKD dalam Syarikat Bekalan Air Selangor berjumlah RM131 juta serta pelupusan keseluruhan saham MKD bernilai RM1 dalam Syarikat PDX.Com Sdn. Bhd.

Daripada segi hasil pelaburan, dividen yang diterima pada 2024 daripada 21 syarikat dan dua badan berkanun berjumlah RM39.012 bilion, menurun sebanyak RM7.047 bilion atau 15.3 peratus berbanding RM46.059 bilion pada 2023.

Bagaimanapun, dividen daripada 13 syarikat dan dua badan berkanun meningkat sebanyak RM3.059 bilion atau 105.3 peratus kepada RM5.964 bilion, berbanding RM2.905 bilion pada tahun sebelumnya, peningkatan ketara disumbangkan oleh Syarikat Piramid Pertama Sdn Bhd yang menambah RM2.734 bilion.

Sementara itu, dividen daripada tujuh syarikat utama berjumlah RM32.030 bilion mencatat penurunan sebanyak RM10.106 bilion atau 24 peratus berbanding RM42.136 bilion pada 2023.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**HARIAN METRO | 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

## APMM belanja lebih RM300j untuk kapal 'tua'




**Kuala Lumpur:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) didapati membelanjakan RM229.93 juta bagi kapal berusia melebihi 30 tahun dan RM78 juta bagi bot berusia antara 11 hingga 20 tahun.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 3/2025 berhubung Penyata Kewangan Kerajaan 2024, perbelanjaan itu menunjukkan kebergantungan terhadap aset lama yang berisiko dari segi fungsi dan kos.

Selain itu, pelaksanaan kerja refit secara berfasa tanpa perancangan menyeluruh menyebabkan peningkatan kos sebanyak RM8.88 juta, manakala denda lewat berjumlah RM2.27 juta masih belum dikutip daripada syarikat yang gagal menyiapkan kerja mengikut jadual.

"Kelemahan kawalan pembayaran oleh APMM turut dikenal pasti terhadap perkara yang melibatkan tuntutan bernilai RM32.34 juta tanpa invois pembekal, bayaran RM59,800 bagi peralatan yang tidak dibekalkan dan RM144,536 bagi peralatan tidak mengikut spesifikasi," menurut laporan itu yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam.

Selain itu, ujian teknikal iaitu *Harbour Acceptance Test* (HAT) dan *Sea Acceptance Test* (SAT) tidak dilaksanakan sebelum penerimaan aset, menyebabkan beberapa bot tidak dapat beroperasi dan memerlukan pembaikan dalam tempoh waranti, dengan skop kerja bernilai RM173,075.

"Secara keseluruhan, penemuan ini menunjukkan keperluan APMM memperkukuh perancangan, pematuhan kewangan dan kawalan kontrak bagi memastikan perbelanjaan pembangunan digunakan secara cekap dan memberikan nilai terbaik kepada kerajaan," katanya.

Sehubungan itu, LKAN mengesyorkan APMM untuk merancang dengan teliti kerja penyenggaraan kapal dan bot agar peruntukan diterima dibelanjakan secara optimum serta memastikan kerja penyenggaraan disiapkan pada tahun semasa bagi mengelakkan risiko kenaikan kos.

"APMM juga disyorkan memastikan denda dikutip daripada syarikat yang lewat menyempurnakan kerja penyenggaraan, invois pembekal disertakan bagi tuntutan untuk tujuan pengesahan bagi mengekang tuntutan berlebihan," menurut laporan itu.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**HARIAN METRO | 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

# Hutang meningkat ke RM1.248 trilion

**Kuala Lumpur:** Hutang Kerajaan Persekutuan terus meningkat daripada RM1.173 trilion pada 2023 kepada RM1.248 trilion tahun lalu, menunjukkan kenaikan RM75.105 bilion atau 6.4 peratus.

Pinjaman Dalam Negeri kekal sebagai komponen utama hutang Persekutuan, dengan jumlah RM1.220 trilion, meliputi 97.8 peratus daripada keseluruhan hutang.

Baki 2.2 peratus keseluruhan hutang membabitkan Hutang Luar Negeri dengan jumlah RM27.976 bilion.

Keadaan hutang negara itu terkandung dalam Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang disiarkan di laman web LKAN semalam.

Mengenai komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membuat bayaran kepada pihak berkaitan, laporan itu mendedahkan ia terdiri Komitmen Jaminan, Komitmen Bayaran Balik, Komitmen Pajakan Kewangan dan Komitmen Pampasan.

"Kedudukan Komitmen Kewangan pada 31 Disember 2024 adalah berjumlah RM297.165 bilion meningkat sejumlah RM11.531 bilion (4 peratus) berbanding 2023 berjumlah RM285.634 bilion," kata laporan itu.

Menurut laporan itu, mengikut Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96) dan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan.

Laporan itu menjelaskan Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan geran kepada syarikat atau badan berkanun persekutuan bagi melunaskan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Pada 31 Disember 2024, Komitmen Jaminan bagi 14 agensi terdiri daripada 13 syarikat dan satu badan berkanun persekutuan berjumlah RM236.229 bilion meningkat sebanyak RM8.825 bilion (3.9 peratus) berbanding RM227.404 bilion yang dilaporkan pada 2023.

Bagi Komitmen Jaminan pula, ia mencatatkan RM79.719 bilion (33.8 peratus) akan matang dalam tempoh satu hingga lima tahun.

"Sejumlah RM34.090 bilion (14.4 peratus) pula akan matang dalam tempoh enam hingga 10 tahun dan sejumlah RM122.420 bilion (51.8 peratus) akan matang dalam tempoh 11 tahun dan ke atas," kata laporan itu.

> **"Kedudukan Komitmen Kewangan pada 31 Disember 2024 adalah berjumlah RM297.165 bilion meningkat sejumlah RM11.531 bilion (4 peratus) berbanding 2023 berjumlah RM285.634 bilion"**
>
> *Laporan audit*

# KERATAN AKHBAR

**HARIAN METRO | 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

## 6,028 kenderaan konsesi kerajaan lewat dibekal, RM54.51 juta penalti tidak dikutip

**Kuala Lumpur:** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 mendedahkan pengurusan kenderaan konsesi kerajaan kurang memuaskan apabila 6,028 kenderaan lewat dibekalkan oleh syarikat konsesi dan anggaran penalti RM54.51 juta tidak dikenakan kepada pihak terlibat.

Menurut LKAN 3/2025 berhubung Penyata Kewangan Kerajaan 2024 yang dibentang di Dewan Rakyat di sini semalam.

Perjanjian Konsesi (CA2) antara Kementerian Kewangan (MOF) dan syarikat konsesi yang berkuat kuasa mulai 31 Julai 2022 hingga 30 Julai 2037 menetapkan setiap kenderaan perlu dibekalkan dalam tempoh 60 hari bekerja daripada tarikh pesanan.

"Analisis Audit menggunakan data sistem pengurusan kenderaan syarikat konsesi mendapati hingga 31 Disember 2024, sebanyak 6,028 kenderaan konsesi lewat dibekalkan antara satu hingga 508 hari selepas 60 hari bekerja daripada tarikh pesanan.

"Semakan Audit juga mendapati hingga tempoh pengauditan dijalankan, tiada rekod menunjukkan tuntutan penalti dibuat kepada syarikat konsesi," menurut laporan berkenaan.

Selain isu kelewatan, laporan berkenaan turut mendedahkan kerajaan menanggung kos yang lebih tinggi dengan anggaran RM28.79 juta akibat penggunaan 5,323 kenderaan konsesi yang telah tamat tempoh pajakan antara 2021 hingga 2024.

# KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO | 7 OKTOBER 2025 | SELASA

## 46 projek KPM lewat jadual

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pendidikan (KPM) merekodkan bilangan tertinggi projek lewat jadual di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) sebanyak 46 projek, menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025.

Laporan itu menyatakan, secara keseluruhan sebanyak 157 projek kerajaan dikenal pasti lewat jadual (sakit) setakat 31 Disember tahun lalu membabitkan 18 kementerian.

Selain KPM, kementerian lain yang mempunyai projek sakit di bawah RMK12 adalah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebanyak 34 projek, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (12 projek) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan 11 projek.

Laporan itu turut mendedahkan bahawa empat projek sakit mencatat kelewatan fizikal melebihi 20 peratus dan menerima antara dua hingga 10 Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) dengan tempoh lanjutan sehingga 785 hari.

Malah prestasi perbelanjaan projek bagi tempoh 2021 hingga tahun lalu adalah RM315.932 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan RM307.908 bilion bagi tempoh sama.

Jumlah itu mencecah 76.1 peratus daripada jumlah siling peruntukan sebanyak RM415 bilion bagi tempoh RMK12 selepas Kajian Separuh Penggal RMK12.

Justeru itu, bagi memastikan pelaksanaan projek RMK12 dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan (2025 tahun terakhir RMK12), setiap kementerian atau jabatan hendaklah mengambil tindakan penyelesaian segera terhadap projek lewat jadual (sakit) di bawah RMK12 bagi memastikan projek yang dirancang dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

**Prestasi perbelanjaan projek 2021 hingga tahun lalu sebanyak RM315.932b**

Secara keseluruhan, sebanyak 8,755 projek pembangunan dilaksanakan di bawah Rancangan Pelaksanaan Keempat (RP4) RMK12.

Daripada jumlah itu, 3,829 projek (43.7 peratus) berada pada peringkat pelaksanaan, 2,400 projek (27.4 peratus) di peringkat prapelaksanaan, manakala 2,355 projek (26.9 peratus) sudah di peringkat pasca pelaksanaan.

Selain itu, 171 projek (dua peratus) pula terdiri daripada 109 projek berstatus batal dan 62 projek berstatus simpan dalam perhatian.

Bagi projek yang dalam pelaksanaan, 2,597 projek (67.8 peratus) dilaporkan berjalan mengikut jadual, 719 projek (18.8 peratus) mendahului jadual, 157 projek (4.1 peratus) lewat jadual (sakit), 114 projek (tiga peratus) lewat jadual dan 242 projek (6.3 peratus) dilaporkan tiada kemajuan.

# KERATAN AKHBAR

**NEW STRAITS TIMES | 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**



EDUCATION MINISTRY LEADS IN DELAYED PROJECTS

## 157 12MP PROJECTS CLASSIFIED AS 'SICK'

4 record physical delays exceeding 20pc, given 2 to 10 extensions




IYLIA MARSYA ISKANDAR
**KUALA LUMPUR**
iyliamarsya@nst.com.my

A TOTAL of 157 government projects under the 12th Malaysia Plan (12MP) have been classified as sick projects, involving 18 ministries up to Dec 31, according to the 2025 Auditor General's Report Series 3.

The report, tabled in the Dewan Rakyat yesterday, disclosed that four of these sick projects recorded physical delays exceeding 20 per cent and had already received between two and 10 Extensions of Time (EOT), with extensions lasting up to 785 days.

The Education Ministry recorded the highest number of delayed projects with 46 projects, followed by the Rural and Regional Development Ministry with 34 projects, the Energy Transition and Water Transformation Ministry with 12 projects and Housing and Local Government Ministry with 11 projects.

Of the total 8,755 approved projects, 3,829 projects (43.7 per cent) were at the implementation stage, 2,400 projects (27.4 per cent) were still at the pre-implementation stage; 2,355 (26.9 per cent) were at the post-implementation stage; while 171 projects (two per cent) were classified as cancelled or on hold.

The expenditure performance for projects from 2021 to 2024 amounted to RM315.932 billion, exceeding the approved allocation of RM307.908 billion for the same period.

"This represents 76.1 per cent of the total allocation ceiling of RM415.0 billion for 12MP after the mid-term review," the report said.

To ensure all 12MP projects are completed within the stipulated period (2025 being the final year of 12MP), the National Audit Department suggested every ministry or department to take immediate corrective action.

Meanwhile, the report also found that the Road Transport Department (RTD) missed out on at least RM115 million in potential revenue after failing to reoffer restricted and inactive vehicle registration numbers to the public at minimum prices.

The report found that 87 restricted registration numbers were not revoked despite applicants failing to meet the required conditions.

Restricted registration numbers are allocated under a quota for prominent individuals.

The numbers must be withdrawn from the JPJeBid list before bidding begins, with offer letters issued upon approval.

The audit, however, revealed that 87 numbers had not been revoked although the applicants did not meet the conditions, with offers having expired for periods ranging from 16 to 1,040 days, causing a loss of RM2.41 million in revenue if the numbers had been reoffered to the public.

In its response on July 21, RTD said that of the 87 restricted numbers, 23 had been registered, 14 had been transferred to new owners and were still within the active registration period, while 50 could be reoffered up to July 18.

In addition, the report revealed that data from RTD's Digital Technology Division showed 375,792 inactive registration numbers remained unsold up to last year.

"Based on the minimum pricing of RM300 per number, potential additional revenue of at least RM112.73 million could have been generated," it said.



*The Road Transport Department missed out on RM115 million in potential revenue after failing to reoffer restricted and inactive vehicle registration numbers to the public.* NSTP PIC BY NABILA ADLINA AZAHARI FOR ILLUSTRATIVE PURPOSES ONLY

On another matter, the report also found that the federal government failed to collect an estimated RM54.51 million in penalties for the delayed delivery of government vehicles under a concession agreement.

The government had also incurred an extra RM28.79 million in costs by continuing to use vehicles with expired leases instead of replacing them on schedule.

The report said the overall management of concession vehicles was unsatisfactory because of late deliveries and the absence of penalty enforcement.

Meanwhile, it was reported that the new ceiling cost for the long-delayed Forward Operating Base in Pulau Mabul, Semporna, is RM81.51 million, up from the allocated RM52.81 million.

The project was scheduled to be completed on Nov 16, 2024. However, the company awarded the tender in August 2020 submitted a letter of withdrawal on Aug 1, 2023, with only 41 per cent completion compared to the scheduled progress of 53 per cent.

The company cited an increase in construction costs due to the Covid-19 pandemic and delays in the licence approval process, but the report said Company 762935-D did not have a solid basis for withdrawing, and the reason for it was not in accordance with the terms and conditions of its contract.

An audit review of the Notice of Change (NOC) application documents found that in order to continue this project which Company 762935-D failed to complete and for the purpose of appointing a completion contractor, the Home Ministry submitted three NOC applications to the Economy Ministry in February 2024, October 2024, and last February to seek approval for an increase in the project's ceiling cost.

"The overall project ceiling cost increased by RM28.70 million — from the original ceiling cost of RM52.81 million to RM81.51 million — due to factors such as inflation, changes in design, and the addition of new work scopes," the report said.

## Govt's financial performance improves in 2024 with deficit dropping to 4.1pc

**KUALA LUMPUR:** The federal government's financial performance has improved, with its deficit falling by RM12.22 billion. This brought the deficit-to-gross domestic product (GDP) ratio to 4.1 per cent, compared with five per cent in 2023.

The 2025 Auditor General's Report Series 3, tabled in the Dewan Rakyat yesterday, stated that the performance was better than the 4.3 per cent target set in the 2024 Budget.

"Last year, the federal government's fiscal balance remained in deficit, but recorded a reduction of RM12.224 billion compared with the previous year.

"The deficit-to-GDP ratio declined to 4.1 per cent compared with five per cent in 2023. This performance was better than the 4.3 per cent target set under the 2024 Budget, laying a solid foundation for achieving the medium-term fiscal deficit target of below three per cent."

It added that total federal government revenue amounted to RM324.618 billion — an increase of RM9.659 billion compared with RM314.959 billion in 2023.

"The quarterly trend for last year showed the highest increase between the second and third quarters, with a rise of RM18.025 billion.

"Over a five-year period (2020-2024), total revenue has shown consistent growth, with the highest increase recorded in 2022, amounting to RM60.605 billion (25.9 per cent) compared to 2021."

It said tax revenue, totalling RM240.191 billion, contributed 74 per cent of total revenue last year, up RM11 billion (4.8 per cent) from RM229.185 billion in 2023.

The report said direct tax revenue amounted to RM171.693 billion with income tax totalling RM158.87 billion.

However, income tax collection last year declined by RM0.875 billion compared with RM159.745 billion in 2023.

Meanwhile, corporate income tax remained the largest contributor to direct tax revenue, increasing by RM1.034 billion to RM92.776 billion from RM91.743 billion in 2023.

"The increase in corporate income tax collection was driven by GDP growth, reflecting higher business earnings and profitability.

"Corporate tax maintained a positive growth trend, consistent with economic expansion, particularly in the services sector.

"Meanwhile, petroleum income tax recorded a decline of RM5.568 billion, totalling RM20.528 billion compared with RM26.096 billion in 2023," the report said.

However, it added that revenue surplus decreased by RM0.583 billion (15.8 per cent) compared to RM3.692 billion in 2023.

"In addition, the deficit balance of the Development Fund increased by RM0.321 billion compared with the 2023 deficit balance of RM10.217 billion.

"The ratio of federal liabilities to GDP decreased from 81.8 per cent to 81.7 per cent last year.

"However, the federal government needs to pay attention to the increase in federal liabilities by RM86.047 billion. This includes a rise in federal debt by RM75.105 billion compared to 2023."

The report recommended strengthening the revenue collection mechanism, especially for direct tax revenue, to ensure that the revenue surplus can be utilised to finance development expenditure, reduce the fiscal deficit and lessen the dependence on new borrowings.

It also suggested consistently monitoring and evaluating the financial management performance of federal government companies to ensure that the companies are viable and provide appropriate dividend returns to the federal government.

# KERATAN AKHBAR

**SINAR HARIAN| 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

## LKAN: 157 projek sakit libatkan 18 kementerian

**SHAH ALAM -** Sebanyak 157 projek lewat jadual atau dikategorikan 'sakit' melibatkan 18 kementerian dikesan setakat 31 Disember 2024 lalu.

Berdasarkan jumlah tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 46 projek sakit.

Senarai kedua tertinggi yang merekodkan projek sakit ialah Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah (KKDW) 34 projek, diikuti Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) 12 dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebanyak 11 projek.

"Empat projek lewat jadual atau sakit dengan peratus kelewatan fizikal melebihi 20 peratus telah mendapat dua hingga 10 Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) dengan tempoh EOT sehingga 785 hari," menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang dibentangkan pada Isnin.

Menurut laporan itu lagi, dua daripada empat projek berkenaan di bawah Kementerian Pertahanan (Mindef) di Sabah iaitu pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Angkatan Tugas Bersama 2, Kem Kukusan, Tawau dan RKAT Pangkalan Udara Labuan.

Dua senarai lain ialah projek Menaik Taraf Galeria Perdana, Langkawi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan pembinaan Sekolah Baharu 6 Bilik Darjah, asrama, dan rumah guru di Sekolah Kebangsaan Metalun, Belaga, Sarawak di bawah KPM.

"Pada akhir tahun 2024, sebanyak 3,829 projek atau 43.7 peratus berada pada peringkat dalam pelaksanaan, 2,400 projek masih di peringkat pra pelaksanaan, 2,355 projek berada pada peringkat pasca pelaksanaan, manakala 171 projek adalah berstatus batal dan simpan dalam perhatian.

"Prestasi perbelanjaan projek bagi tempoh tahun 2021 hingga 2024 adalah sebanyak RM315.932 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM307.908 bilion bagi tempoh yang sama.

"Jumlah ini telah mencecah 76.1 peratus daripada jumlah siling peruntukan sebanyak RM415.0 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) selepas Kajian Separuh Penggal RMK12," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 turut mengesyorkan bagi memastikan pelaksanaan projek RMK12 dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, setiap kementerian atau jabatan perlu mengambil tindakan penyelesaian segera.

Usaha ini katanya, bagi memastikan projek yang dirancang dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2025.

# KERATAN AKHBAR

**THE STAR| 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**



Reports by ZAKIAH KOYA, KHOO GEK SAN, JAAYNE JEEVITA, SALMA FAIRUS, CHELSEA LY NG and ALLISON LAI

## 'Systemic failures expose weak project oversight'

**PETALING JAYA:** An immediate internal and independent investigation needs to be done to find out why the RM41mil Eastern Sabah Security Command (Esscom) forward operating base in Pulau Mabul is delayed, according to the Malaysia Corruption Watch (MCW).

Its president Jais Abdul Karim said the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) ought to be granted full access to review project documents and implementation processes of the operating base, which was only 41% completed when it was expected to be ready by last year.

"This is because the matter involved border security interests," he said when contacted by *The Star* yesterday.

He urged that an investigation be carried out for potential negligence.

The 2025 Auditor-General's Report Series 3, tabled in the Dewan Rakyat yesterday, revealed that the project, which was approved under the 11th Malaysia Plan, was inordinately delayed.

Jais said the delay highlighted a serious breakdown in governance and accountability.

"MCW believes that delays and incomplete work in a national security project should not be dismissed as mere technical issues. It signals an oversight failure, weak contractor monitoring, and possible elements of mismanagement or wastage.

"Greater transparency should be enforced by requiring public progress updates for all high-risk or critical security projects.

"MCW stresses that accountability in security projects is not merely about money – it is about lives and national sovereignty," he added.

Jais also expressed concern over the 157 federal projects classified as "sick" or critically delayed, citing it as a sign of integrity failure and poor governance.

Center to Combat Corruption and Cronyism (C4) chief executive officer Pushpan Murugiah said the latest report paints a deeply troubling picture of systemic failures across the ministries.

"The Education Ministry now tops the list with the highest number of uncompleted and stalled projects, while the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has spent hundreds of millions of ringgit on ageing patrol boats that were never properly tested or even fit for duty.

"These are not isolated lapses. When billions of ringgit are allocated but classrooms remain unfinished and patrol vessels remain docked or unusable, the rakyat bears the cost in wasted funds, broken promises, and weakened institutions.

"What emerges is a pattern: weak project planning, opaque procurement, and a lack of rigorous oversight.

"Whether it is delayed schools or defective patrol boats, the common denominator is the same – a governance system that enables negligence and invites corruption," he said.

Sunway University economics professor Dr Yeah Kim Leng said the annual and transparent reporting of administrative gaps highlights the need for improvement.

"To maximise its impact on government efficiency, these reports must be coupled with concrete accountability measures. Doing so would directly minimise the inefficiencies, wastages, and losses identified in the reports. This focus on accountability would powerfully reinforce the 13MP's pillar of good governance and efficient service delivery," he said.

Prof Terence Gomez of Universiti Malaya's Faculty of Business & Economics has called attention to the inefficiencies in the current oversight of government agencies, despite existing legislation mandating audits.

"There is ample legislation to monitor these agencies, and audits are required by law. However, the system, though well-designed, isn't functioning effectively," he said.

Gomez attributed such failure to the concentration of power within the executive branch.

"The executive arm holds too much authority, deciding what can and cannot be investigated. This raises questions about the true independence of oversight bodies and their directors," he said.

He emphasised the need for political will to address these issues.

"Is there a genuine desire from the executive to curb corruption?

"Without devolving power to allow these institutions to operate independently, their commitment to transparency is questionable," he said.

**THE SUN| 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**

AUDITOR-GENERAL'S REPORT 3/2025

# RM54.5m in unclaimed fines over delayed deliveries

## Auditor-general flags financial losses and poor oversight by Finance Ministry

BY **HARITH KAMAL**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** The management of government vehicles under concession has been found to be unsatisfactory, with the government failing to recover RM54.51 million in penalties from the concessionaire for late vehicle deliveries, according to the Auditor-General's Report 3/2025 (AG Report).

As of Dec 31, 2024, a total of 6,028 vehicles were delivered late – between one and 508 days beyond the agreed timeframe – under Concession Agreement 2 (CA2), signed in January 2022 between the government and concession company.

Under the contract, vehicles must be delivered within 60 working days, with penalties imposed for delays. However, the audit found that no claims were made against the concessionaire despite the extensive delays.

Based on audit estimates, the government could have imposed RM54.51 million in penalties – comprising RM45.14 million for replacement vehicles under the expired CA1 lease, RM8.98 million for new orders and about RM380,000 for vehicles classified as total losses.

The Finance Ministry, which oversees the contract, said it has set up a Penalty Committee and a Penalty Assessment Working Committee to review and determine appropriate claims. A coordination meeting with all ministries was held on Aug 18 to discuss the audit findings and next steps.

The audit also revealed that the government continued to pay RM123.43 million in leasing fees for 5,323 vehicles whose lease periods had expired between 2021 and 2024.

It estimated that if these vehicles had been replaced on schedule, the cost would have been RM94.64 million, resulting in a potential loss of RM28.79 million.

The ministry explained that expired vehicles were still being used to prevent service disruptions, adding that supply delays from manufacturers also contributed to the backlog.

Between 2021 and 2024, ministries spent a total of RM1.75 billion on vehicle leasing, repairs and maintenance – including RM1.52 billion under CA1 and RM235 million under CA2.

CA2, which took effect on July 31, 2022, is a 15-year contract running until July 30, 2037, replacing the earlier CA1 that expired in 2018 and was extended four times.

As of end-2024, there were 14,459 government vehicles under the concession – 11,322 departmental vehicles and 3,137 official cars.

The report concluded that the Finance Ministry's management of the concession was inefficient, citing late deliveries, unclaimed penalties and financial losses from the continued use of expired leased vehicles.




The auditor-general has called on the Finance Ministry to tighten spending controls and strengthen oversight of public funds to improve government performance.

# KERATAN AKHBAR

**UTUSAN MALAYSIA| 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

8 | Utusan Malaysia
SELASA • 7 OKTOBER 2025

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 3/2025

## LKAN tegur cara urus kenderaan kerajaan

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI dan FATIN NORIZATI MAT ISA
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Prestasi pengurusan kenderaan kerajaan di bawah syarikat konsesi didapati tidak memuaskan apabila jumlah penalti tertunggak dianggarkan mencecah RM54.51 juta.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam, terdapat kelewatan penghantaran kenderaan oleh syarikat konsesi dikesan, namun tiada sebarang tindakan tuntutan atau caj penalti dikenakan terhadap pihak terbabit.

"Analisis audit berdasarkan data dalam sistem pengurusan kenderaan konsesi mendapati sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 6,028 kenderaan dihantar lewat antara satu hingga 508 hari iaitu melebihi tempoh penghantaran 60 hari bekerja dari tarikh pesanan.

"Semakan audit juga mendapati tiada rekod menunjukkan tuntutan penalti dibuat terhadap syarikat konsesi berkenaan sehingga tarikh audit dijalankan," kata laporan itu.

Ia turut mendedahkan Kerajaan Persekutuan menanggung kos tambahan kira-kira RM28.79 juta kerana terus menggunakan kenderaan pajakan yang telah tamat tempoh dan tidak digantikan dalam masa ditetapkan.

Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan, sebuah Jawatankuasa Penalti telah ditubuhkan bagi meneliti dan menentukan tuntutan wajar untuk dikemukakan terhadap syarikat konsesi.

"Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) dan dianggotai wakil pelbagai bahagian dalam kementerian serta Jabatan Akauntan Negara," kata laporan itu.

Kementerian Kewangan juga dilaporkan telah mengadakan sesi libat urus dengan semua kementerian pada 18 Ogos lalu bagi membentangkan dapatan audit dan menjelaskan langkah susulan yang perlu diambil.

Berdasarkan laporan itu, Kementerian Kewangan telah menandatangani Perjanjian Konsesi Kedua (CA2) pada 31 Januari 2022 bagi pembekalan, pembaikan, penyelenggaraan dan pengurusan kenderaan kerajaan bagi tempoh 15 tahun bermula 31 Julai 2022 hingga 30 Julai 2037.

Perjanjian baharu itu menggantikan Perjanjian Konsesi Pertama (CA1) yang asalnya dijadual tamat pada 31 Disember 2018, namun telah dilanjutkan melalui empat perjanjian tambahan sebelum berakhir pada 31 Julai 2022.

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 14,459 kenderaan konsesi telah dibekalkan iaitu terdiri daripada 5,881 unit di bawah CA1 dan 8,578 unit di bawah CA2.

Daripada jumlah itu, 11,322 kenderaan digunakan oleh jabatan kerajaan, manakala 3,137 kenderaan merupakan kenderaan rasmi.

Di bawah perjanjian konsesi, bayaran bulanan merangkumi caj sewaan dan yuran pembaikan, penyelenggaraan dan perkhidmatan tambahan (RMA) yang dikira bagi setiap kenderaan dibekalkan.

"Semakin lama usia kenderaan, semakin tinggi kadar RMA perlu dibayar. Antara 2021 hingga 2024, kementerian telah membelanjakan RM1.75 bilion bagi sewaan, pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan konsesi di bawah CA1 dan CA2," kata laporan itu.

Jabatan Audit Negara (JAN) mengesyorkan Kementerian Kewangan sebagai pentadbir kontrak supaya mengambil tindakan segera menuntut semula RM54.51 juta penalti tertunggak daripada syarikat konsesi, selain mempercepatkan penggantian kenderaan yang tempoh pajakannya telah tamat.

# KERATAN AKHBAR

**UTUSAN MALAYSIA| 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

# Maritim Malaysia belanja RM229j senggara aset lama

**PETALING JAYA:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM229.93 juta bagi menyenggara kapal berusia lebih 30 tahun pada tahun lalu yang menunjukkan kebergantungan terhadap aset lama yang berisiko dari segi fungsi dan kos.

Menerusi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025, agensi itu juga didapati membelanjakan RM78 juta bagi bot berusia antara 11 hingga 20 tahun sekali gus menunjukkan beberapa kelemahan yang memberi kesan kepada keberkesanan perbelanjaan dan kawalan tadbir urus kerja.

Selain itu, kapal KM Langkawi yang berusia 37 tahun merekodkan perbelanjaan penyelenggaraan tertinggi berjumlah RM28.40 juta.

"Berdasarkan rekod Return of Vessel Availability (ROVA), kapal ini tidak beroperasi sejak 16 Januari 2023. Kerja penyenggaraan refit telah mula dilaksanakan pada 10 Mei 2024 dan siap pada 6 Jun lalu.

"Bagi bot pula, Penggalang 15 yang berusia 12 tahun merekodkan perbelanjaan penyelenggaraan tertinggi, iaitu berjumlah RM5.26 juta," katanya.

LKAN berkata, semakan audit mendapati daripada jumlah RM530.84 juta yang diperuntukkan, sebanyak RM521.39 juta telah dibelanjakan," katanya.

Bagi mengatasi kelemahan yang berlaku, LKAN mengesyorkan langkah penambahbaikan seperti merancang dan mengatur dengan teliti kerja penyelenggaraan kapal dan bot supaya peruntukan diterima dapat dibelanjakan secara optimum serta memastikan kerja penyelenggaraan dapat disiapkan pada tahun semasa bagi mengelakkan risiko kenaikan kos.

Agensi itu memiliki 237 aset laut yang beroperasi di perairan Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu untuk memastikan tiada pelanggaran undang-undang, salah laku jenayah atau pencerobohan dilakukan dalam perairan Malaysia.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**UTUSAN MALAYSIA| 7 OKTOBER 2025 | SELASA**

## Defisit negara menurun RM12.22 bilion

**KUALA LUMPUR** – Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam mencatatkan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 berada pada landasan kukuh.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, defisit berjaya dikurangkan kepada RM79.17 bilion, berbanding RM91.39 bilion pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, penurunan defisit sebanyak RM12.22 bilion itu turut menjadikan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menyusut kepada 4.1 peratus, lebih baik daripada sasaran Belanjawan 2024 iaitu 4.3 peratus.

"Pencapaian ini meletakkan asas kukuh untuk mencapai sasaran defisit jangka sederhana di bawah tiga peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam masa sama, laporan tersebut turut menegur kelewatan Projek Pangkalan Operasi Hadapan di Pulau Mabul, Semporna, Sabah, yang masih belum disiapkan sehingga Julai 2025 meskipun tarikh siap asal ditetapkan pada 16 November 2024.

Projek yang dirancang sejak 2016 itu diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Ke-11, namun masih berdepan pelbagai kekangan, termasuk kelewatan pembinaan bangunan penempatan semula, struktur utama yang belum siap, serta pembinaan jeti yang belum dimulakan.

LKAN terdiri daripada 14 naskah terdiri satu naskah LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 dan aktiviti kementerian, jabatan, syarikat Kerajaan Persekutuan.

Wan Suraya juga memaklumkan penyata tersebut menunjukkan gambaran benar dan saksama dengan rekod perakaunan yang teratur dan kemas kini.

Beliau turut mengesahkan bahawa Jabatan Audit Negara memberikan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dengan Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters) terhadap penyata kewangan tersebut.

Bagi peringkat negeri, sebanyak 13 penyata kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 turut diaudit.



**PRESTASI kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 pada landasan kukuh.** – GAMBAR HIASAN

# KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES| 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY

# Education projects in limbo

## More than 800 stalled as ministry pledges to take action

**PETALING JAYA:** The Education Ministry (KPM) tops the list of ministries with the most uncompleted projects, according to the latest Auditor-General's report.

A total of 112 projects under the ministry have been cancelled or put on hold, while 840 projects have stalled.

The ministry is currently working on 554 projects, while 534 projects had already reached completion, according to the Auditor-General's Report 3/2025, which was tabled in the Dewan Rakyat yesterday.

The Rural and Regional Development Ministry (KKDW) trailed closely behind, failing to implement 540 projects and cancelling or postponing 10 others.

However, 866 projects are ongoing, and 405 have been completed. All these projects were under the 12th Malaysian Plan.

A total of 8,755 projects under 18 ministries were audited this round.

The report said that the Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry (NRES) had the least number of uncompleted projects.

It added that 2,597 (67.8%) of projects were ongoing as scheduled, 719 (18.8%) were ahead of schedule, 157 (4.1%) were sick projects, and 114 (3.0%) were behind schedule.

Another 242 (6.3%) projects had shown no improvement.

The Education Ministry, in responding to the Auditor-General's Report, said it has taken steps to address the delayed education development projects.

It said engagement sessions are held periodically with all stakeholders, including state governments, local authorities, and utility providers.

"Most recently, 17 of the 46 delayed projects highlighted in the report have been completed.

"Meanwhile, 19 projects are at various stages of implementation – three are ahead of schedule, eight are on schedule, three are behind schedule, and five are currently under re-tendering.

"The remaining 10 projects remain in 'late' status.

"The Education Ministry strives to ensure that the implementation of all development projects is carried out properly according to the set time frame for the benefit of the entire community," it said.

FOR MORE:
See page 10



**NEW STRAITS TIMES| 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**

# After 10 years, Esscom base remains uncompleted

**PETALING JAYA:** The RM41mil Eastern Sabah Security Command (Esscom) forward operating base project in Semporna was planned in 2016 and should have been completed by Nov 16 last year.

After almost 10 years, the project in Pulau Mabul, Sabah, remains uncompleted, the Auditor-General's report says.

The multi-million ringgit project was originally supposed to have been completed within 36 months.

The inordinate delay of the base was the main focus of the Auditor-General's Report 3/2025.

"Key issues identified include delays in the construction of the Relocation Building (BPS), the main building (excluding BPS) which remains incomplete, and the jetty construction which has yet to begin," said Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Mohd Radzi.

A pioneer project for Esscom and marine police, the base was supposed to be used as a tactical headquarters to control and monitor the seas.

"This project should be completed through the approved Notice of Change (NOC) to ensure that high-tech infrastructure and security facilities can be provided to enhance the operational level and effectiveness of maritime security control in Eastern Sabah and its surrounding areas," the report stated.

The audit further revealed that the construction of BPS was delayed by 254 days, and liquidated ascertained damages amounting to RM68,303.14 were imposed.

"From June 17, 2023 to July 31, 2023, the company did not provide workers at the construction site. Notice of Termination of Contractor's Scope of Work was issued on Sept 6, 2023, due to the company's failure to fulfil contract obligations.

"The contractor withdrew on Aug 1, 2023, citing increased construction costs, unsuitable original landing point location, and pending TOL (Temporary Occupation Licence) approval.

"The NOC was approved on May 9 this year with an increased ceiling cost of RM28.70mil," the report said.

The audit further recommended that contractor management and monitoring be carried out more frequently and that complaints received be properly responded to.

**NEW STRAITS TIMES| 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**

# Millions for boats that don't work

**PETALING JAYA:** Millions were spent by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) on ageing vessels and untested patrol boats that cannot operate.

Some RM229.93mil of maintenance spending was allocated to vessels aged up to 30, while RM78mil went to boats aged between 11 and 20 years, the Auditor-General's Report said.

The audit also uncovered that 26 patrol boats could not operate because no technical tests were conducted before accepting the assets.

Another RM32.54mil was linked to claims made without supplier invoices, payments for undelivered equipment, and items that did not meet specifications.

The audit also detected RM2.27mil in late penalty fees for delays in completing maintenance work that had yet to be collected.

The Auditor-General recommended that MMEA plan its maintenance spending more effectively to ensure allocations are used within the year.

"The agency needs to impose penalties for late work, ensure supporting documents for all claims, and conduct technical trials before accepting new assets," the report stated.

# KERATAN AKHBAR

**THE SUN | 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**

## Education Ministry tops list of overdue federal projects

**PETALING JAYA:** The Education Ministry recorded the highest number of delayed or "sick" projects last year, with 46 behind schedule – the most among 18 ministries – according to the Auditor-General's Report.

Overall, 157 federal development projects were classified as delayed as of Dec 31, 2024.

The Rural and Regional Development Ministry came next with 34 delayed projects, followed by the Energy Transition and Water Transformation Ministry with 12 and the Housing and Local Government Ministry with 11.

The report highlighted four projects suffering severe delays – with progress lagging more than 20% and timelines extended between two and 10 times, adding up to as many as 785 extra days.

Two of these were under the Defence Ministry for the construction of Armed Forces family housing in Sabah – one at Kem Kukusan, Tawau and the other at the Labuan Air Base.

The remaining two were the upgrading of Galeria Perdana in Langkawi under the Home Ministry and the construction of a new six-classroom school, dormitory and teachers' quarters at SK Metalun, Belaga, Sarawak, under the Education Ministry.

As of June 30, 2025, nearly half – 48.4% (4,528) – of 9,355 projects under the 12th Malaysia Plan (12MP) were in the implementation phase. Another 33.5% (3,136) were still in pre-implementation, 16.3% (1,526) had reached post-implementation, and 1.8% (165) were either on hold or cancelled. From 2021 to 2024, total project spending hit RM315.93 billion, overshooting the approved allocation of RM307.91 billion.

The Auditor-General urged ministries and agencies to take swift action to address the delays .– By ***HARITH KAMAL***

# KERATAN AKHBAR

**THE SUN | 7 OCTOBER 2025 | TUESDAY**

## Federal deficit narrows to RM79.2b amid stronger financial management: AG

**PETALING JAYA:** Malaysia's fiscal position strengthened last year as the federal deficit narrowed to RM79.17 billion in 2024, down from RM91.39 billion in 2023, according to the National Audit Report 3/2025 tabled in Parliament yesterday.

Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi said the reduction of RM12.22 billion reflects tighter control over spending and a more disciplined approach to managing public finances.

In a statement, she said the Federal Government's 2024 financial statements "give a true and fair view" of the nation's accounts. Her office issued an Unmodified Opinion – the highest level of assurance an auditor can give.

"The accounting records were properly maintained and updated, and overall, the government's financial performance showed improvement."

The deficit-to-GDP ratio also improved to 4.1% in 2024, down from 5.0% a year earlier and better than the 4.3% target set in the 2024 national budget.

According to the report, the improved figures provide a stronger base for Malaysia to meet its medium-term fiscal goals and reduce reliance on borrowing.

However, the audit also flagged long-standing weaknesses in several development projects that remain incomplete.

Among them was the Operational Forward Base Project in Pulau Mabul, Semporna, Sabah, which was originally slated for completion in November 2024 but still unfinished as of July this year.

Planned since 2016 under the Second Rolling Plan of the 11th Malaysia Plan, the project was delayed by issues such as incomplete housing, unfinished main buildings and a missing jetty.

The report urged stricter monitoring to ensure projects are delivered on time and within budget.

To enhance transparency and efficiency, the National Audit Department has widened its audit coverage to include 1,856 additional entities, including government-linked companies, through its new e-SelfAudit System.

The system leverages digital tools and data analytics to allow more frequent and accurate reviews of government-linked bodies.

Wan Suraya said the initiative reflects the department's ongoing modernisation drive to improve accountability and ensure public funds are well spent.

"It enables us to track whether organisations are achieving their objectives, practising good governance and managing finances responsibly," she said.

At the state level, the Auditor-General reviewed the 2024 financial statements of all 13 states. Four – Malacca, Pahang, Penang and Terengganu – received clean audits, while nine obtained clean opinions with minor notes, indicating generally sound financial management with room for reporting improvements. The audit report is available at lkan.audit.gov.my and agdashboard.audit.gov.my. – By *HARITH KAMAL*

HARIAN METRO | 8 OKTOBER 2025 | RABU

# Kerajaan alami kerugian RM54 juta

## LKAN 3/2025 dedah 6,028 kenderaan konsesi lewat dibekalkan

**Kuala Lumpur**

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 mendedahkan pengurusan kenderaan konsesi kerajaan kurang memuaskan apabila 6,028 kenderaan lewat dibekalkan oleh syarikat konsesi dan anggaran penalti RM54.51 juta tidak dikenakan kepada pihak terbabit.

Menurut LKAN 3/2025 berhubung Penyata Kewangan Kerajaan 2024 yang dibentang di Dewan Rakyat di sini semalam, Perjanjian Konsesi (CA2) antara Kementerian Kewangan (MOF) dan syarikat konsesi yang berkuat kuasa mulai 31 Julai 2022 hingga 30 Julai 2037 menetapkan setiap kenderaan perlu dibekalkan dalam tempoh 60 hari bekerja daripada tarikh pesanan.

"Analisis audit menggunakan data sistem pengurusan kenderaan syarikat konsesi mendapati hingga 31 Disember 2024, sebanyak 6,028 kenderaan konsesi lewat dibekalkan antara satu hingga 508 hari selepas 60 hari bekerja. Semakan audit juga mendapati hingga tempoh pengauditan dijalankan, tiada rekod menunjukkan tuntutan penalti dibuat kepada syarikat konsesi," menurut laporan berkenaan.

> **"MOF sudah mengadakan mesyuarat perhubungan bersama semua kementerian pada 18 Ogos 2025"**
>
> *LKAN 3/2025*

Selain isu kelewatan, laporan berkenaan turut mendedahkan kerajaan menanggung kos lebih tinggi dengan anggaran RM28.79 juta akibat penggunaan 5,323 kenderaan konsesi yang tamat tempoh pajakan antara 2021 hingga 2024.

Berdasarkan pengiraan Audit, sekiranya kenderaan itu digantikan dengan kenderaan baharu mengikut tempoh yang sepatutnya, kerajaan hanya perlu membayar RM94.64 juta berbanding RM123.43 juta yang telah dibelanjakan.

Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara mengesyorkan MOF selaku pentadbir kontrak memastikan tindakan diambil terhadap kutipan anggaran penalti RM54.51 juta bagi kelewatan pembekalan kenderaan konsesi kepada kerajaan serta menyegerakan penyelesaian isu penggantian kenderaan tamat tempoh pajakan.

Sementara itu, MOF dalam maklum balas bertarikh 25 Julai 2025 dan 18 Ogos 2025 memaklumkan kementerian menubuhkan Jawatankuasa Penalti dan Jawatankuasa Kerja Penilaian Penalti untuk meneliti tuntutan penalti yang sewajarnya dikemukakan oleh kementerian.

Jawatankuasa Penalti dipengerusikan timbalan ketua setiausaha perbendaharaan (pelaburan) dan dianggotai oleh wakil pelbagai bahagian di MOF dan wakil Jabatan Akauntan Negara.

"MOF sudah mengadakan mesyuarat perhubungan bersama semua kementerian pada 18 Ogos 2025 dengan tujuan memaklumkan dapatan Jabatan Audit Negara dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh kementerian," menurut laporan itu.

Berkenaan kenderaan tamat tempoh, MOF memaklumkan penggunaan kenderaan itu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas selain mengambil kira isu pembekalan kenderaan gantian oleh pihak pengilang/pengeluar yang dihadapi syarikat konsesi. - BERNAMA

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**DAILY EXPRESS | 8 OKTOBER 2025 | RABU**

## FOB Pulau Mabul wajar disiapkan untuk tingkat pengoperasian, kawalan keselamatan

KUALA LUMPUR: Projek Pangkalan Operasi Hadapan (FOB) di Pulau Mabul, Semporna wajar disiapkan dalam mempertingkatkan tahap pengoperasian dan keberkesanan kawalan keselamatan perairan Timur Sabah dan persekitarannya.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 berhubung Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 yang dibentangkan di Dewan Rakyat di sini, Isnin, projek FOB itu masih belum disiapkan walaupun telah hampir 10 tahun sejak mula dirancang.

Projek tersebut dicadangkan oleh Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) sejak 2016 dan diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Ke-11 (2016–2020) dengan siling peruntukan sebanyak RM52.81 juta. Ia sepatutnya disiapkan pada 16 Nov 2024.

FOB Pulau Mabul bertujuan mempertingkatkan keberkesanan kawalan keselamatan melalui pendekatan pengawasan, pemantauan, kawalan kepolisan, dan penguatkuasaan (enforcement) di sepanjang 1,733.3 kilometer (km) pantai dan perairan Timur Sabah yang meliputi keluasan 134,761.54km.

LKAN berpendapat bahawa projek itu wajar disiapkan bagi memastikan infrastruktur dan kemudahan keselamatan berteknologi tinggi dapat disediakan, sekali gus meningkatkan tahap kawalan keselamatan di kawasan berkenaan.

"Antara isu utama dikenal pasti termasuk bangunan masih belum siap, pembinaan jeti belum dimulakan, serta penamatan kontrak terhadap Syarikat 762935-D disebabkan prestasi kerja tidak memuaskan. Pihak Audit mengambil maklum status Notice of Change (NOC) yang diluluskan pada 9 Mei lalu," menurut laporan itu.

Perincian LKAN turut menyatakan bahawa syarikat yang dianugerahkan tender tersebut pada Ogos 2020 itu, telah mengemukakan surat penarikan diri pada 1 Ogos 2023.

Beberapa alasan dikemukakan, termasuk peningkatan kos pembinaan akibat pandemik Covid-19, ketidaksesuaian lokasi asal landing point, kelewatan proses kelulusan Temporary Occupation License (TOL), serta kelewatan pelantikan Nominated Subcontractor bagi kerja-kerja elektrikal dan mekanikal.

Jabatan Kerja Raya (JKR) kemudian mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak kepada syarikat berkenaan pada 6 Sept 2023, dengan status kemajuan projek ketika itu hanya 41 peratus berbanding jadual kerja sebanyak 53 peratus.

Namun, LKAN menyatakan bahawa syarikat terbabit tidak mempunyai asas kukuh untuk menarik diri dan alasan penarikan diri tersebut adalah tidak selaras dengan syarat-syarat Kontrak JKR 203A.

Kegagalan syarikat menyiapkan projek dalam tempoh ditetapkan menyebabkan peningkatan kos sebanyak RM28.70 juta menjadikan jumlah keseluruhan kos kepada RM81.51 juta serta penangguhan kepada Projek Pembangunan Sistem Pengawasan Laut Malaysia (Swasla) Sabah Fasa 2.

"Selain itu, proses pengukuran dan pewartaan tanah laut juga didapati mengambil masa terlalu lama, iaitu selama tujuh tahun, lima bulan dan 17 hari (2,725 hari) bermula dari tarikh permohonan tanah kerajaan di bawah Seksyen 12, Ordinan Tanah Sabah Bab 68 pada 5 Jan 2016 hingga tarikh pewartaan siap pada 22 Jun 2023.

"Perkara ini disebabkan oleh kelemahan koordinasi antara JTU Sabah dan Esscom, khususnya apabila Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah lewat memaklumkan mengenai kekurangan pasukan ukur bagi melaksanakan kerja pengukuran," menurut laporan itu.

Justeru, LKAN mengemukakan enam syor, iaitu melantik kontraktor penyiap dengan segera untuk elak kelewatan tambahan, risiko kerosakan struktur serta peningkatan kos; pihak kementerian dan agensi terlibat melaksanakan pengurusan dan pemantauan kontraktor dengan lebih kerap; manakala kontraktor baharu perlu menyediakan pelan pemulihan jika berlaku kelewatan.

Kerajaan pula perlu menuntut pampasan daripada syarikat mengikut klausa kontrak sedia ada; memastikan semua kelulusan seperti pewartaan tanah diselesaikan sebelum kerja dimulakan; serta meningkatkan koordinasi antara Kementerian Dalam Negeri, Esscom, JKR dan JTU Sabah. – Bernama

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

THE BORNEO POST SABAH | 8 OCTOBER 2025 | WEDNESDAY

## Sick projects dominate parliament debate on Auditor-General's Report

**KUALA LUMPUR:** Sick government projects, especially in the construction of schools and public housing, were among the main issues highlighted during debate on the Auditor-General's Report (LKAN) 3/2025 in the Dewan Rakyat Tuesday.

Sandakan MP Vivian Wong Shir Yee stressed that recurring weaknesses in government project implementation demanded stronger punitive action against those responsible.

She said as of Dec 31, 2024, a total of 157 delayed projects were reported involving 18 ministries, including the Ministry of Education (MoE), the Rural and Regional Development Ministry (KKDW), the Energy Transition and Water Transformation Ministry (PETRA), and the Housing and Local Government Ministry (KPKT).

"The public is beginning to question the effectiveness of audit reports in bringing about real change. The government should present year-by-year comparisons since 2015 to assess whether the number of delayed projects has increased or decreased, as well as evaluate the effectiveness of corrective actions," she said during the debate.

Wong also highlighted the delayed construction of a forward operating base in Pulau Mabul, Sabah under the Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), which was approved nearly a decade ago but remains incomplete and now requires an additional RM28.7 million in costs.

Temerloh MP Salamiah Mohd Nor (PN) referred to delays in projects under KKDW, noting that the Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (Felcra) had failed to pay over RM12 million in dividends to more than 10,000 settlers, in addition to 3,000 abandoned public housing units worth RM450 million under KPKT.

In the education sector, she said RM200 million allocated for rural schools had not been distributed efficiently, causing delays of up to nine months and leaving over 150 schools without adequate facilities.

Separately, Tampin MP Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN) called on the government to expedite the implementation of the e-Baki Vehicle Registration Number online system, citing audit findings that showed 375,762 inactive vehicle registration numbers remained unsold since 2024.

"Kuala Lumpur recorded the highest number at 98,910, followed by Johor (49,851) and Putrajaya (45,467). I believe this figure will continue to rise, potentially resulting in government losses of at least RM112.73 million if the numbers were sold at the minimum price of RM300 each," he said.

A total of 23 MPs from both the government and opposition blocs took part in the debate, while winding-up sessions by the respective ministries are scheduled for tomorrow.

Earlier, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said the tabling of the LKAN aimed to ensure that key financial oversight mechanisms function effectively and that public funds are managed transparently.

She said this accountability effort was strengthened through amendments to the Audit Act 1957 (Act 62) in 2024, the first in 33 years, marking a new chapter for the National Audit Department as an independent audit institution.

"Through debate and scrutiny, we can identify weaknesses, understand feedback, and improve systems. The fact that space is given for debate shows that the MADANI government is not afraid of criticism, but instead embraces constructive views to make continuous improvements," she said.

Azalina noted that this marked the sixth time the Auditor-General's Report had been tabled and debated in the Dewan Rakyat, reflecting a positive trend of transparency and accountability fostered through active parliamentary discussions.

The Dewan Rakyat will reconvene today. — Bernama

# KERATAN AKHBAR

**THE BORNEO POST SABAH |8 OCTOBER 2025 | WEDNESDAY**

## Penyata kewangan Pahang diberi pengiktirafan

**KUANTAN** – Pengiktirafan tinggi oleh Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan negeri Pahang membuktikan komitmen berterusan pentadbiran kerajaan negeri dalam membina Pahang yang makmur, berdaya saing dan berintegriti.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kerajaan negeri akan terus memperkukuh disiplin fiskal, meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan serta memastikan hasil negeri dimanfaatkan sepenuhnya demi kesejahteraan rakyat.

"Kerajaan negeri merakamkan penghargaan atas pengiktirafan Laporan Ketua Audit Negara menerusi pemberian Pendapat Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan Tahun 2024.

"Kejayaan yang sama diterima pada 2023 membuktikan kecekapan tadbir urus serta pengurusan kewangan kerajaan negeri yang berteraskan akauntabiliti, ketelusan dan integriti, sejajar dengan semangat Aspirasi Pahang 1st," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pahang antara empat negeri yang menerima sijil Ketua Audit Negara bagi Pendapat Tanpa Teguran untuk penyata kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd. Radzi dilaporkan berkata, selain Pahang tiga negeri lain yang turut menerima sijil itu ialah Melaka, Pulau Pinang dan Terengganu.



WAN ROSDY

# KERATAN AKHBAR

**THE BORNEO POST SABAH | 9 OCTOBER 2025 | THURSDAY**

# New contractor to be appointed for delayed Pulau Mabul FOB project by Oct 16

**KUALA LUMPUR:** The Home Ministry (KDN) will select a new contractor to complete the delayed Forward Operating Base (FOB) project on Pulau Mabul in Semporna, with a decision expected on Oct 16 at the Public Works Department (PWD) Rehabilitation Board meeting.

Deputy Home Minister Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah said the ministry and the state government will work together with the PWD to ensure that the appointed contractor can complete the construction of the main building, personnel quarters, and jetty.

"I would like to inform that the delay in completing the project was due to the late construction of the jetty, with actual progress recorded at zero per cent compared to the scheduled 11 per cent.

"This was due to delays in conducting seabed surveying works for gazettement purposes. However, that process was completed on June 22, 2023," he said in his winding-up speech in response to points raised during the debate on the Auditor-General's Report (LKAN) 3/2025 involving the Federal Government Financial Statement 2024 for the Home Ministry in the Dewan Rakyat Wednesday.

He added that the delay increased project costs by RM28.7 million, and KDN decided to utilise monies from the cancellation of the Sabah Sea Surveillance System (SWASLA) Phase 2 project in Sandakan and Malawali to cover the additional expenses.

Shamsul Anuar said the original contractor was terminated in September 2023 after an audit revealed that no construction activity had taken place at the site due to a lack of workers since June of that year, despite several reminder letters issued by the consulting supervision team prior to the termination.

He added that project monitoring mechanisms have since been enhanced, with the involvement of ministry and stategovernmentrepresentatives in every site meeting, biannual monitoring, and the use of the C-Plan integrated enterprise system by PWD to ensure close supervision of project quality and progress.

Regarding the maintenance of Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) ships and boats, Shamsul Anuar said that RM229 million is allocated annually for the repair and maintenance of the agency's 35 vessels.

"The MMEA operates 237 maritime assets in the Strait of Malacca, South China Sea, and Sulu Sea to ensure effective enforcement," he said.

He added that, under the Malaysian Maritime Strategic Plan 2020, the MMEA is targeting a fleet of 116 patrol vessels, 96 medium-sized ships, 20 large vessels, and 228 boats measuring less than 20 metres in length to meet operational needs.

As of Sept 30, a total of 35 MMEA vessels are over 30 years old, and the agency is implementing a refurbishment and phased asset replacement programme. — Bernama

THE BORNEO POST SABAH | 9 OCTOBER 2025 | WEDNESDAY

# 'MOE won't hesitate to terminate contractors over delayed projects'

**KUALA LUMPUR:** The Education Ministry (MoE) will not hesitate to take firm action against contractors who fail to complete development projects on schedule, including terminating their contracts.

Education Minister Fadhlina Sidek said the issuance of a notice of intent to terminate and the termination of contracts are among the final measures taken against consultants or contractors who fail to meet their obligations.

She said this follows the Auditor-General's Report (LKAN) 3/2025 on the Federal Government's 2024 Financial Statements, which found that 46 development projects under MoE in 2024 were classified as delayed or sick — accounting for 23 per cent of the 2,040 projects under the 12th Malaysia Plan's Rolling Plan IV.

"Factors contributing to delays and sick projects include contractors' weaknesses in managing project implementation and finances, logistical issues, and delays in obtaining approvals for utility relocation and installation.

"Other factors include unforeseen circumstances such as unpredictable weather, natural disasters, the pandemic, and rising raw material costs," she said when winding up the debate on the LKAN 3/2025 in the Dewan Rakyat Wednesday.

In this regard, Fadhlina said MoE has implemented various management approaches, including close on-site monitoring, regular engagement sessions with state governments, local authorities, utility providers, and central agencies such as the Implementation Coordination Unit (ICU) under the Prime Minister's Department.

"I would like to clarify that the management of sick projects involves targeted interventions, engagement sessions and discussions with stakeholders, as well as approvals related to variation orders and extensions of time," she said.

As of Oct 1, she said 17 of the 46 delayed projects reported had been completed, while 10 remained behind schedule and the remaining 19 were at various stages of implementation — including five that require a re-tendering process.

Meanwhile, Deputy Works Minister Datuk Seri Ahmad Maslan, when winding up the LKAN debate for the Works Ministry (KKR), said that as of Sept 8, a total of 66 physical construction projects under the Public Works Department (JKR) had been identified as sick projects.

He said the main factors contributing to the delays include poor contractor management, financial constraints, land acquisition issues, delays in utility relocation and changes in project scope by client ministries.

"As such, several measures have been or will be taken against problematic contractors, including the issuance of warning letters, imposition of Liquidated Ascertained Damages (LAD), and contract termination.

"Termination will be enforced if the project is deemed sick and no longer viable. Contractors whose contracts are terminated will be suspended for two years and barred from participating in any government contracts," he said. — Bernama

# KERATAN AKHBAR

**DAILY EXPRESS | 9 OCTOBER 2025 | THURSDAY**

## MOE ready to terminate contractors over delayed projects

KUALA LUMPUR: The Education Ministry (MoE) will not hesitate to take firm action against contractors who fail to complete development projects on schedule, including terminating their contracts.

Education Minister Fadhlina Sidek said the issuance of a notice of intent to terminate and the termination of contracts are among the final measures taken against consultants or contractors who fail to meet their obligations.

She said this follows the Auditor-General's Report (LKAN) 3/2025 on the Federal Government's 2024 Financial Statements, which found that 46 development projects under MoE in 2024 were classified as delayed or sick — accounting for 23 per cent of the 2,040 projects under the 12th Malaysia Plan's Rolling Plan IV.

"Factors contributing to delays and sick projects include contractors' weaknesses in managing project implementation and finances, logistical issues, and delays in obtaining approvals for utility relocation and installation.

"Other factors include unforeseen circumstances such as unpredictable weather, natural disasters, the pandemic, and rising raw material costs," she said when winding up the debate on the LKAN 3/2025 in the Dewan Rakyat.

In this regard, Fadhlina said MoE has implemented various management approaches, including close on-site monitoring, regular engagement sessions with state governments, local authorities, utility providers, and central agencies such as the Implementation Coordination Unit (ICU) under the Prime Minister's Department.

"I would like to clarify that the management of sick projects involves targeted interventions, engagement sessions and discussions with stakeholders, as well as approvals related to variation orders and extensions of time," she said.

As of Oct 1, she said 17 of the 46 delayed projects reported had been completed, while 10 remained behind schedule and the remaining 19 were at various stages of implementation — including five that require a re-tendering process.

Meanwhile, Deputy Works Minister Datuk Seri Ahmad Maslan, when winding up the LKAN debate for the Works Ministry (KKR), said that as of Sept 8, a total of 66 physical construction projects under the Public Works Department (JKR) had been identified as sick projects. – Bernama

**DAILY EXPRESS | 9 OCTOBER 2025 | THURSDAY**

# New contractor to take over delayed Pulau Mabul FOB project

KUALA LUMPUR: The Home Ministry (KDN) will select a new contractor to complete the delayed Forward Operating Base (FOB) project on Pulau Mabul in Semporna, with a decision expected on Oct 16 at the Public Works Department (PWD) Rehabilitation Board meeting.

Deputy Home Minister Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah said the Ministry and the State Government will work together with the PWD to ensure that the appointed contractor can complete the construction of the main building, personnel quarters, and jetty.

"I would like to inform that the delay in completing the project was due to the late construction of the jetty, with actual progress recorded at zero per cent compared to the scheduled 11 per cent.

"This was due to delays in conducting seabed surveying works for gazettement purposes. However, that process was completed on June 22, 2023," he said in his winding-up speech in response to points raised during the debate on the Auditor-General's Report (LKAN) 3/2025 involving the Federal Government Financial Statement 2024 for the Home Ministry in the Dewan Rakyat, Wedensday.

He added that the delay increased project costs by RM28.7 million, and KDN decided to utilise monies from the cancellation of the Sabah Sea Surveillance System (SWASLA) Phase 2 project in Sandakan and Malawali to cover the additional expenses.

Shamsul Anuar said the original contractor was terminated in September 2023 after an audit revealed that no construction activity had taken place at the site due to a lack of workers since June of that year, despite several reminder letters issued by the consulting supervision team prior to the termination.

He added that project monitoring mechanisms have since been enhanced, with the involvement of Ministry and State Government representatives in every site meeting, biannual monitoring, and the use of the C-Plan integrated enterprise system by PWD to ensure close supervision of project quality and progress.

Regarding the maintenance of Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) ships and boats, Shamsul Anuar said RM229 million is allocated annually for the repair and maintenance of the agency's 35 vessels.

"The MMEA operates 237 maritime assets in the Strait of Malacca, South China Sea and Sulu Sea to ensure effective enforcement," he said.

He added that, under the Malaysian Maritime Strategic Plan 2020, the MMEA is targeting a fleet of 116 patrol vessels, 96 medium-sized ships, 20 large vessels, and 228 boats measuring less than 20 metres in length to meet operational needs.

As of Sept 30, a total of 35 MMEA vessels are over 30 years old, and the agency is implementing a refurbishment and phased asset replacement programme.

# KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA | 9 OKTOBER 2025 | KHAMIS

## Kontraktor gagal siapkan projek KPM ditamatkan kontrak

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pendidikan (KPM) bersedia mengambil tindakan tegas termasuk menamatkan kontrak terhadap mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek pembangunan mengikut jadual ditetapkan.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, pengeluaran notis tujuan penamatan kontrak merupakan antara langkah terakhir yang diambil terhadap mana-mana perunding atau kontraktor yang gagal menunaikan tanggungjawab mereka sebagaimana termaktub dalam perjanjian.



FADHLINA SIDEK

"Antara punca kelewatan dan kegagalan pelaksanaan projek termasuk kelemahan pengurusan kontraktor dalam aspek pelaksanaan dan kewangan, masalah logistik serta kelewatan kelulusan penyambungan dan pemasangan utiliti.

"Selain itu, faktor luar jangka seperti cuaca tidak menentu, bencana alam, pandemik serta kenaikan harga bahan binaan turut menjadi penyumbang," katanya ketika penggulunggan perbahasan usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 di Dewan Rakyat semalam.

Fadhlina berkata, pihaknya komited memperkukuh sistem pemantauan dan pengawasan bagi memastikan setiap projek pembangunan pendidikan dapat disiapkan mengikut jadual dan memberi manfaat kepada rakyat.

Katanya, setakat ini, terdapat 19 projek di bawah KPM yang sedang dilaksanakan di pelbagai peringkat pelaksanaan melibatkan pelbagai jenis kemudahan pendidikan di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, tiga projek siap lebih awal daripada jadual, lapan projek berjalan mengikut jadual, tiga projek lewat jadual manakala lima lagi sedang melalui proses tender semula," katanya.

Fadhlina berkata, secara umum projek dikategorikan sebagai 'projek sakit' apabila kemajuan fizikalnya lewat melebihi dua bulan atau 20 peratus daripada jadual asal dan kontraktor gagal menunjukkan keupayaan untuk memperbaiki prestasi kerja.

Bagi menangani isu ini, katanya, KPM telah memperkukuh pemantauan di tapak projek serta mengadakan sesi libat urus secara berkala bersama semua pihak berkaitan termasuk penyedia utiliti, syarikat air, pembekal tenaga elektrik dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Selain itu, kementerian turut menggunakan platform seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) bagi menyelesaikan isu yang memerlukan campur tangan kerajaan negeri.

"Mesyuarat panel penyelarasan kontrak dan Jawatankuasa Tindakan Kementerian juga dijadikan saluran utama untuk membentangkan status semasa serta mencari penyelesaian terhadap projek yang bermasalah," katanya.

Sebelum ini, LKAN mendedahkan projek pembangunan pendidikan yang tertangguh di seluruh negara dengan sebanyak 46 projek pembangunan bawah KPM berstatus lewat (sakit).

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**UTUSAN BORNEO SABAH| 9 OKTOBER 2025 | KHAMIS**

## FOB Pulau Mabul: Keputusan lantik kontraktor baharu dijangka 16 Okt ini

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memilih kontraktor baharu bagi menyiapkan projek Pangkalan Operasi Hadapan (FOB) Pulau Mabul, Semporna dengan keputusan dijangka dibuat pada mesyuarat Lembaga Pemulihan Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 16 Okt ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata kementerian dan kerajaan negeri akan bekerjasama dengan JKR bagi memastikan pembinaan bangunan utama, penempatan anggota serta jeti dapat disiapkan oleh kontraktor yang dilantik.

"Saya nak maklumkan bahawa kelewatan penyiapan projek berpunca daripada kelewatan pembinaan jeti dengan prestasi sebenar kosong peratus berbanding jadual sepatutnya 11 peratus.

"Hal ini disebabkan oleh kelewatan kerja ukur tanah laut bagi tujuan pewartaan, namun proses itu telah diselesaikan pada 22 Jun 2023," katanya ketika menggulung perbahasan usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 bagi KDN di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata kelewatan itu turut menyebabkan peningkatan kos sebanyak RM28.7 juta dan KDN telah memutuskan untuk menggunakan peruntukan daripada pembatalan projek Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) Sabah Fasa 2 di Sandakan dan Malawali bagi menampung kos berkenaan.

Shamsul Anuar berkata kontraktor asal ditamatkan pada September 2023 selepas audit mendapati tiada aktiviti pembinaan di tapak berikutan ketiadaan pekerja sejak Jun tahun sama, walaupun beberapa surat peringatan telah dikeluarkan oleh pasukan penyelia perunding sebelum tindakan penamatan kontrak diambil. — Bernama

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**BERITA HARIAN | 9 OKTOBER 2025 | KHAMIS**

# JPA rujuk AGC 549 kes pelajar tak bayar RM81.2j

## Agensi keluar notis kepada peminjam culas lebih 6 tahun

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merujuk 549 kes pelajar tajaannya yang gagal membayar balik pinjaman membabitkan nilai keseluruhan RM81.2 juta kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata JPA mengeluarkan notis undang-undang kepada semua peminjam terbabit susulan kegagalan membuat bayaran balik selama lebih enam tahun.

Beliau berkata, tindakan merujuk mereka kepada AGC untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil sekiranya masih enggan menjelaskan tunggakan pinjaman masing-masing.




"Bagi kes tegar, surat prosedur undang-undang ini sudah dikeluarkan bagi penghutang yang sudah melebihi tempoh had masa enam tahun.

"Kes pembayaran ingkar ini dirujuk kepada AGC untuk tindakan perundangan," katanya ketika sesi penggulungan perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM), di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, daripada keseluruhan 549 kes yang membabitkan RM81.2 juta tunggakan pinjaman itu, hanya RM17.5 juta berjaya dikutip semula.

"Sementara RM63.79 juta (baki tunggakan pinjaman) masih dalam peringkat tindakan undang-undang oleh AGC," katanya.

Mengenai prestasi kutipan bagi tempoh Januari sehingga Ogos lalu, beliau berkata, jumlah kutipan balik tuntutan ganti rugi biasiswa JPA sudah mencecah RM6.9 juta.

### Tindakan senarai hitam

"Sebagai langkah ke hadapan, JPA kini sedang memuktamadkan pelantikan Agensi Kutipan Hutang (AKH) bagi mempercepatkan proses kutipan.

"Selain itu, tindakan menyenarai hitam penghutang tegar, di mana waris kepada peminjam yang mempunyai tunggakan juga tidak akan dipertimbangkan untuk sebarang tajaan baharu selagi tunggakan tidak diselesaikan," katanya.

Beliau berkata, langkah itu sudah menunjukkan hasil apabila bagi tahun ini saja, sebanyak RM93.68 juta berjaya dikutip daripada ibu bapa yang mana pemohon tajaan mempunyai tunggakan kepada JPA.

Berdasarkan LKAN 3/ 2025 sebelum ini, JPA menyumbang RM352.5 juta atau 76.1 peratus daripada jumlah akaun belum terima (ABT) Jabatan Perdana Menteri yang membabitkan nilai keseluruhan RM463.21 juta pada 2024.

Dalam pada itu Dr Zaliha berkata, JPA juga bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mendapatkan butiran terkini peminjam bagi tujuan mengukuhkan mekanisme kutipannya.


*Dr Zaliha Mustafa*

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# KERATAN AKHBAR

**DAILY EXPRESS | 16 OCTOBER 2025 | KHAMIS**

## FOB Pulau Mabul: Keputusan lantik kontraktor baharu dijangka 16 Okt ini

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memilih kontraktor baharu bagi menyiapkan projek Pangkalan Operasi Hadapan (FOB) Pulau Mabul, Semporna dengan keputusan dijangka dibuat pada mesyuarat Lembaga Pemulihan Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 16 Okt ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata kementerian dan kerajaan negeri akan bekerjasama dengan JKR bagi memastikan pembinaan bangunan utama, penempatan anggota serta jeti dapat disiapkan oleh kontraktor yang dilantik.

"Saya nak maklumkan bahawa kelewatan penyiapan projek berpunca daripada kelewatan pembinaan jeti dengan prestasi sebenar kosong peratus berbanding jadual sepatutnya 11 peratus.

"Hal ini disebabkan oleh kelewatan kerja ukur tanah laut bagi tujuan pewartaan, namun proses itu telah diselesaikan pada 22 Jun 2023," katanya ketika menggulung perbahasan usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 bagi KDN di Dewan Rakyat, Rabu.

Beliau berkata kelewatan itu turut menyebabkan peningkatan kos sebanyak RM28.7 juta dan KDN telah memutuskan untuk menggunakan peruntukan daripada pembatalan projek Sistem Pengawasan Laut (Swasla) Sabah Fasa 2 di Sandakan dan Malawali bagi menampung kos berkenaan.

Shamsul Anuar berkata kontraktor asal ditamatkan pada September 2023 selepas audit mendapati tiada aktiviti pembinaan di tapak berikutan ketiadaan pekerja sejak Jun tahun sama, walaupun beberapa surat peringatan telah dikeluarkan oleh pasukan penyelia perunding sebelum tindakan penamatan kontrak diambil.




Beliau berkata mekanisme pemantauan projek turut ditambah baik dengan penglibatan wakil kementerian dan kerajaan negeri dalam setiap mesyuarat tapak, pemantauan berkala dua kali setahun serta penggunaan sistem perusahaan sepadu *C-Plan* oleh JKR bagi memastikan kualiti dan kemajuan projek dipantau dengan rapi.

Berhubung penyelenggaraan kapal dan bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Shamsul Anuar berkata sebanyak RM229 juta diperuntukkan setiap tahun bagi kerja pembaikan dan penyelenggaraan 35 kapal agensi itu.

"Maritim Malaysia memiliki 237 aset laut yang beroperasi di Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu bagi memastikan tugas penguatkuasaan maritim dapat dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Shamsul Anuar berkata melalui Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2020, agensi itu menyasarkan 116 kapal ronda, 96 kapal bersaiz sederhana, 20 kapal besar serta 228 bot bersaiz bawah 20 meter bagi menampung keperluan operasi.

Setakat 30 Sept lepas, sebanyak 35 kapal Maritim Malaysia berusia lebih 30 tahun dan agensi itu sedang melaksanakan program penyelenggaraan semula serta pelan penggantian aset lama secara berperingkat. – Bernama